

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MAC 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 14

### 4,752 kawasan tiada pendaftaran Padu



RAFIZI bercakap pada sidang akhbar di Kementerian Ekonomi, Putrajaya semalam.

Penduduk tiada data dalam pangkalan data kerajaan

## 4,752 kawasan tiada pendaftaran Padu

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 4,752 kawasan di seluruh negara dikenal pasti penduduknya tidak mempunyai sebarang pendaftaran Pangkalan Data Utama (Padu) mahupun apa-apa program bantuan kerajaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, Selangor mencatatkan bilangan kawasan tertinggi iaitu 1,282 kawasan diikuti Kuala Lumpur (992), Sarawak (765), Sabah (620), Johor (271), Pulau Pinang (243) dan Kelantan (228).

Ia turut melibatkan Kedah dengan 157 bilangan kawasan belum diliputi, Pahang (70), Perak (67), Terengganu (35), Negeri Sem-

bilan (lapan), Perlis (tujuh), Putrajaya (lima) dan Melaka (dua).

Katanya, sebanyak 5.43 juta individu telah mengemas kini data Padu sejak ia dilancarkan pada 2 Januari lepas.

"Dalam konteks pelaksanaan Padu, pengemaskinian oleh rakyat atau rekod pentadbiran individu divisualisasi sehingga di peringkat lokaliti.

"Antara contoh kawasan adalah seperti lokaliti projek perumahan rakyat, perumahan awam, kondominium, pangsapuri, rumah kos rendah, kuarters, rumah kedai, rumah air, rumah panjang dan rumah sesebuah.

"Penelitian pengemaskinian Padu di peringkat lokaliti ini akan menjadi input untuk memastikan

semua kawasan diliputi, mempunyai perwakilan dan tidak berlaku keciciran," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Rafizi berkata, penduduk di kawasan itu walaupun dikenalpasti dari kalangan B40, namun mereka tidak mempunyai data dalam apa-apa pangkalan data bantuan kerajaan sebelum ini.

"Mereka berisiko tercicir daripada menerima atau dilibatkan dalam apa-apa program atau bantuan kerajaan," ujarnya.

Katanya, tumpuan kementeriannya dalam tempoh dua minggu ini hingga hari terakhir adalah mempertingkatkan pendaftaran individu dan isi rumah, terutama meliputi kawasan dikenal pasti berisiko terbesar pengecualian.